

Biar mahkamah putuskan isu agama kanak-kanak

Bapa, ibu berlainan anutan perlu utamakan keadilan, kebajikan anak

su siapa berhak menentukan agama kanak-kanak timbul lagi berikutan keputusan terbaharu yang diputuskan oleh Mahkamah Rayuan, baru-baru ini. Dalam kes itu, Muhammad Riduan Abdullah lawan Indira Ghandi (30.12.2015), Mahkamah Rayuan dengan keputusan majoriti 2-1 membenarkan rayuan Muhammad Riduan yang telah mendapat pengesahan agama Islam bagi tiga anaknya di Mahkamah Tinggi Syariah, Ipoh.

Indira, ibu kanak-kanak berkenaan mencabar keputusan Mahkamah Syariah dengan membawanya ke Mahkamah Tinggi Sivil Ipoh. Dalam keputusannya, Mahkamah Tinggi Sivil memutuskan bahawa keputusan Mahkamah Syariah adalah terbatal kerana pengesahan pengislaman itu dibuat tanpa persetujuan pihak isteri/ibu yang bukan Islam.

Keputusan ini membawa kepada beberapa kes seumpamanya seperti kes Subashini, Shamala dan Deepa di mana bukan sahaja perebutan hak penjagaan anak, malah pengislaman mereka dibuat oleh salah satu ibu atau bapa yang menjadi perbalahan antara seorang Islam dan bukan Islam.

Melihat kepada keputusan Shamala (2007) sebagai contohnya, Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa persetujuan salah satu pihak ibu atau bapa sudah cukup bagi menentukan agama seseorang kanak-kanak bawah umur 18 tahun. Mahkamah Persekutuan mengambil pendekatan bahawa perkataan *parent* dalam Perkara 12(4) Perlembagaan Persekutuan bermaksud satu iaitu salah satu dan bukan kedua-dua ibu bapa.

Dalam konteks di Malaysia, Perkara 12 (4) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan "Bagi maksud Fasal (3), agama bagi seseorang yang berumur kurang daripada lapan belas tahun adalah ditetapkan oleh ibu bapa atau penjaganya". Melihat kepada versi dalam Bahasa Inggeris, ia menyebut perkataan *parent* yang membawa maksud ibu atau bapa. Sekiranya perkataan *parents* ditulis dengan jelas, ia membawa maksud ibu bapa.

Perbezaan tafsiran perkataan

Ahli perundangan dan akademik membuat tafsiran yang berbeza mengenai perkataan *parent* dalam Perkara 12(4) Perlembagaan Persekutuan. Bagi yang menyokong, ia membawa maksud kedua ibu bapa, mereka merujuk kepada Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan dalam tafsiran *his* (dia lelaki) meliputi *her* (dia perempuan). Prof Emeritus Datuk Shaad Saleem Faruqi, Penasihat

Undang-Undang UiTM, Majlis Peguam Malaysia dan sesetengah pertubuhan NGO berpendapat perkataan *parent* hendaklah juga difahami secara jamak iaitu *parents*.

Keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Rayuan baru-baru ini melihat kepada isu bidang kuasa. Keputusan majoriti Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa dalam membuat pengesahan pengislaman kanak-kanak yang dibuat oleh bapanya yang seorang Islam. Ini adalah mengikut keputusan Mahkamah Persekutuan yang mengambil pendekatan salah seorang ibu atau bapa kanak-kanak itu. Keputusan Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa Mahkamah Tinggi Sivil telah terkhilaf dalam mengatakan bahawa Mahkamah Syariah tidak mempunyai bidang kuasa.

Perlu dimaklumkan bahawa buat masa sekarang, ada negeri yang memperuntukkan keperluan keizinan ibu dan bapa, dan ada juga negeri yang hanya memperuntukkan keperluan keizinan ibu atau bapa dalam pengislaman kanak-kanak bawah 18 tahun.

Sebagai contoh di Selangor, Seksyen 117 Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Selangor 2003 mensyaratkan keizinan ibu dan bapa atau penjaga dalam pemelukan Islam kanak-kanak bawah 18 tahun.

Bagi Wilayah Persekutuan, Kedah dan Perak tidak mensyaratkan persetujuan ibu dan bapa atau penjaga. Cukup dengan persetujuan salah satu dari ibu atau bapa atau penjaga dalam perkara ini. Ini dapat dilihat dalam Seksyen 95 Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan 1993, Seksyen 80 Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Kedah 2008, dan Seksyen 106 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perak 2004.

Di sini dapat dikatakan berlaku ketidakseragaman peruntukan dalam mendapat keizinan bagi pemelukan agama Islam bagi kanak-kanak bawah 18 tahun antara negeri-negeri di Malaysia.

Siapakah yang berhak menentukan agama anak?

Dalam undang-undang Islam, fuqaha telah berijmak bahawa apabila kedua ibu-bapa memeluk Islam, secara automatik agama kanak-kanak bawah umur juga adalah Islam.

Permasalahan timbul apabila salah satu pihak yang memeluk agama Islam dan pihak yang satu lagi kekal sebagai bukan Islam membawa perbincangan yang menarik dalam perbahasan fiqh. Fuqaha telah berijmak bahawa agama seseorang kanak-kanak adalah mengikut ayahnya yang beragama Islam. Ini termasuk apabila bapanya memeluk agama Islam.

Walaupun begitu, pandangan majoriti yang terdiri dari mazhab Hanafi, Syafi'i dan Hambali berpendapat agama bagi kanak-kanak adalah mengikut pihak yang memeluk Islam tanpa mengira ibu atau bapa. Bagaimanapun, mengikut mazhab Maliki, agama kanak-kanak adalah mengikut bapanya sekiranya bapa yang memeluk agama Islam. Ini kerana identiti dan keturunan nasab adalah melalui bapa.

Kemelut penentuan

Secara umum agama seseorang kanak-kanak adalah mengikut agama ibu bapanya yang Islam. Tetapi keadaan berbeza sekiranya berlaku pertikaian antara ibu atau bapa dalam menentukan agama kanak-kanak itu. Oleh yang demikian, cara terbaik dalam menangani kemelut ini ialah dengan menyerahkan kepada mahkamah untuk membuat satu ketetapan yang menjurus kepada keadilan dan kebajikan kanak-kanak berkenaan.

Untuk mengatasi kemelut penentuan agama seseorang kanak-kanak, beberapa cadangan berikut boleh dipertimbangkan:

● Cadangan oleh pihak Jabatan Peguam Negara untuk meminda Seksyen 51 Akta Pembaharuan (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 (Akta 1976) supaya semua perkara timbul dari hasil perkahwinan yang didaftarkan mengikut Akta 1976 hendaklah diberi

kuasa kepada Mahkamah Sivil supaya kedua-dua pihak Islam dan bukan Islam dapat diberi keadilan.

Tetapi cadangan ini tidak menjadi kenyataan kerana kesemua Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM) dan Persatuan Peguam Islam Malaysia (PPIM) dan majoriti NGO Islam membantah cadangan ini kerana bimbang akan mengurangkan kuasa Mahkamah Syariah dan implikasi kepada agama Islam sekiranya perkara berkaitan Islam diputuskan oleh Mahkamah Sivil. Lagi pun ia berlawanan dengan Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan yang memberi kuasa berkaitan dengan Islam kepada Mahkamah Syariah.

Ini bertepatan dengan keputusan Mahkamah Persekutuan sebelum ini dalam beberapa kes seperti Mohamed Habibullah lawan Faridah Dato' Talib [1992] 2 MLJ 793, Soon Singh a/l Bikar Singh lawan PERKIM Kedah & Anor [1999] 1 MLJ 489 dan Lina Joy lawan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan & Anor [2007] 4 MLJ 585 yang memberi bidang kuasa kepada Mahkamah Syariah mengikut pindaan Perkara 121 (1A), Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa Mahkamah Sivil tidak boleh campur tangan dalam bidang kuasa yang diberi

kepada Mahkamah Syariah.

● Cadangan supaya ditubuhkan satu Mahkamah Campuran (Mixed Court) atau Tribunal Khas dalam mengendalikan kes-kes pertikaian yang membabitkan pihak Islam dan bukan Islam atau yang membabitkan perkara mengenai Islam oleh dua pihak yang berlainan agama.

Buat masa sekarang, terdapat Bahagian Muamalat dalam pentadbiran Mahkamah Sivil bagi mendengar kes-kes yang membabitkan Muamalat (perbankan dan kewangan Islam). Ini dapat dikemas kini dengan memasukkan Bahagian Muamalat dan bidang kuasa campuran bagi mendengar kes penentuan agama kanak-kanak. Ini dapat dilakukan dengan melantik hakim dari Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah untuk mendengar kes itu.

Hak penjagaan

Ini meliputi kes penentuan agama kanak-kanak oleh pihak yang berkahwin di bawah Akta 1976 dan kemudiannya salah satu pihak memeluk agama Islam. Ini disusuli dengan penentuan hak penjagaan kanak-kanak itu sehingga ia dewasa. Penentuan siapa yang berhak ke atas hak penjagaan kanak-kanak hendaklah meliputi pendidikan Islam yang akan diberi kepada kanak-kanak berkenaan.

● Cadangan menubuhkan Jawatankuasa Kehakiman oleh Majlis Raja-Raja dalam pertikaian untuk menentukan agama kanak-kanak dan hak penjagaan kanak-kanak dari dua pihak yang berlainan agama, mungkin dapat menyelesaikan kemelut ini. Penubuhan jawatankuasa ini tidak mengambil bidang kuasa Mahkamah Sivil mahupun Mahkamah Syariah. Ia adalah satu jawatankuasa khas yang membabitkan kes-kes khas. Ahli yang dilantik adalah dari mereka yang arif dalam kedua-dua bidang, undang-undang Islam dan undang-undang sivil di samping hakim dari Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah.

● Cadangan supaya peruntukan mengenai keizinan dari ibu bapa atau penjaga dalam pemelukan Islam kanak-kanak perlu diselaraskan di seluruh negara. Ini kerana terdapat dua versi: perlu kepada persetujuan ibu atau bapa atau penjaga; dan perlu kepada persetujuan ibu dan bapa atau penjaga. Ini akan menyebabkan masalah kepada pihak yang terbabit.

● Cadangan supaya hakim hendaklah menggunakan kebijaksanaan yang tinggi dengan mengambil kira kedudukan agama Islam seperti mana yang diperuntukkan dalam Perkara 3 (1) Perlembagaan Persekutuan dalam memutuskan kes penentuan agama kanak-kanak. Ia juga perlu melihat kepada peruntukan dalam Perkara 12(4) dan kes-kes yang diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan seperti Susie Teoh (1990) dan Subashini (2007).

Penulis

ialah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Institut Kajian Tinggi Islam Malaysia (IAIS)



DR MOHAMED AZAM MOHAMED ADIL